# GARIS PANDUAN UNTUK PEMBUKAAN SEMULA AKTIVITI EKONOMI & SOSIAL NEGERI SARAWAK SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19

## SEKTOR : SUKAN DAN REKREASI



| Waktu Beroperasi | Waktu Kehadiran Pelanggan | Kapasiti Pekerja |
|---|---|---|
| 6.30 pagi - 7.00 petang<br>** berperingkat* | 7.30 pagi - 7.00 petang | 100% |

**MERANGKUMI**

***Sukan Prestasi Tinggi***
- Latihan pasukan kebangsaan
- Latihan peringkat negeri

***Sukan Massa***
- Aktiviti sukan secara individu
- Sukan kecergasan dan rekreasi
- Esports
- Sukan bermotor
- Riadah dan kecergasan ringan

***Operasi & pentadbiran organisasi berkaitan sukan***
- Sewaan kemudahan/ fasiliti (terhad)
- Baik pulih, naik taraf dan penyelenggaraan fasiliti

***Penganjuran Acara Sukan***

**SEMUA AKTIVITI DIBENARKAN KECUALI**

Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

**ARAHAN TETAP**

Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) dan lain-lain arahan daripada KKM dan MKN dari semasa ke semasa.
Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
** Untuk semua zon (Merah, Kuning dan Hijau)*

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **Penjarakan Sosial** | |
| 1. Jarak fizikal 1 meter di antara 2 individu | • Memastikan penjarakan sosial 1 meter pada bila bila masa<br>• Penggunaan kon trafik dan penanda pita lantai sebagai panduan pelanggan/ pengguna di mana bersesuaian. |
| 2. Etika Pengguna | • Aktiviti melibatkan kanak-kanak memerlukan pengawasan rapi ibu bapa / penjaga. |
| 3. Bilangan Pengguna | • Mengehadkan bilangan pengguna bagi setiap sesi tertakluk kepada kesesuaian tempat dan kawal selia.<br>• Pemantauan oleh staf bertugas. |
| **Dasar dan Peraturan** | |
| 1. Penggunaan Fasiliti | • Memastikan pematuhan terhadap SOP fasiliti. |
| 2. Polisi dan Komunikasi | • Memastikan notis dan papan tanda dipamerkan dengan jelas |
| **Kesihatan dan Kebersihan** | |
| 3. Pembasmian & Nyahkuman Premis | • Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga kali sehari terutamanya di kawasan umum *(common space)* seperti: lobi, lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, bas/ pengangkutan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah/ tong sampah.<br>• Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/ premis setiap kali sebelum syif atau operasi bermula.<br>• Syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk, semua kawasan umum *(common area)* dan tempat-tempat lain di dalam kilang/ premis. |
| 4. Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja | • Pemakaian *face mask* oleh setiap pekerja di kawasan umum adalah diwajibkan.<br>• Memastikan garis panduan amalan terbaik sosial/ penjarakan sosial disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di:<br>• kawasan-kawasan seperti *production floor*, kafeteria/ kantin, bilik mesyuarat, surau, dewan serba guna *(multipurpose hall)* dan lain-lain yang berkenaan. |
| 5. Protokol pencegahan penyakit & sekatan | • Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. |

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | PEMILIK | PERUNCIT | PENGGUNA | PIHAK KERAJAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pengoperasian dan Pentadbiran Organisasi Berkaitan Sukan** | | | | | |
| 1. Operasi dan pentadbiran badan sukan, organisasi, kelab dan syarikat berkaitan sukan | • Membenarkan operasi dan pentadbiran dengan pematuhan SOP semasa<br>• Menggalakkan perancangan pembangunan sukan dan kemas kini perlembagaan badan sukan masing masing | K | K | P | KS |
| 2. Pendaftaran badan sukan | • Membenarkan pendaftaran baru badan sukan secara *online* | K | K | P | KS |

*** Petunjuk utama: K – Kawal, P – Pelaksana, KS - Kawal Selia**